

# UMS anjur forum kupas isu pemerdagangan orang

KOTA KINABALU: Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan forum bagi mengupas isu jenayah pemerdagangan orang bertajuk 'Pelancongan: Isu dan Cabaran' di Dewan Resital UMS, hari ini.

Forum berkenaan merupakan anjuran bersama Sekolah Perniagaan Ekonomi (SPE) yang mana ia bertujuan memberi penerangan kepada pelajar mengenai gejala ini, kesan dan perkara yang harus diketahui dan menjadi persediaan awal dalam mengelakkan ia terus berleluasa di negara ini.

Menurut Ketua Jabatan HEP, Darwis Awang (gambar), forum ini juga sebahagian daripada aktiviti bahagian kaunseling dalam menerapkan kesedaran kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya UMS



agar terus mengetahui batas-batas dan peraturan yang telah diperuntukkan.

"Menjadi peranan sesebuah universiti itu sebagaimenara gading dalam memberi ilmu pengetahuan kepada mahasiswa dan masyarakat. Justeru, forum ini juga sekaligus dapat mengubah mentaliti masyarakat agar lebih berwaspada terhadap pihak luar yang sentiasa mencari peluang untuk mengambil kesempatan atas kelalaian kita," katanya dalam satu

kenyataan di sini.

Sebanyak empat kertas akan dibentangkan dalam forum berkenaan termasuklah, Isu-isu Kemodenan Masyarakat Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT), Kesan Pelancongan dan Jenis Jenayah serta Masalah dan Aduan Warganegara Yang Bekerja Di Luar Negara yang akan dibentangkan oleh Wakil Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Osman Abdullah.

Selain itu, pensyarah lain yang turut membentang pada forum itu termasuklah Prof. Madya Dr. Mohd Noor Mat Yazid (Kemodenan Dalam Masyarakat Malaysia Melalui ICT: Isu dan Cabaran), Prof. Madya Dr. Jennifer Chan Kim Lian (Kesan Perhubungan Antara Pelancong Asing dan Orang) manakala Dr. Mohd Dahlan Haji Malek dan Ida Shafinaz Mohd Kamil akan membentang tajuk Isu-Isu Kemasyarakatan Berkenaan Jenayah Luar Bandar.